

4

Kewajipan Berzakat

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ،
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةٌ تُنْجِي قَائِلَهَا مِنْ
 عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ
 وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ
 إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
 وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Kaum Muslimin Sidang Jumaat Yang Sama-Sama Berbahagia...

Terlebih dahulu, sayugia khatib mewasiatkan diri sendiri dan saudara-saudara yang dihormati sekalian, supaya sama-sama bertakwa kepada Allah s.w.t. Allah berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan beragama Islam.”

(QS Ali-Imran (3) : 102)

Alhamdulillah dan bersyukur kita ke hadrat Allah, dalam kesempatan kali ini, membolehkan kita membincangkan salah satu perkara pokok dan tunggak ajaran agama Islam iaitu “**KEWAJIPAN BERZAKAT.**” Rasulullah s.a.w ada bersabda:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ :
شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ ،
وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ ، وَحَجِّ الْبَيْتِ لِمَنْ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا .

Maksudnya: “Dibina Islam itu atas lima tunggak; Pengakuan tidak ada Tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad s.a.w. itu hamba dan rasul-Nya, dan mendirikan sembahyang fardhu 5 kali sehari semalam, dan mengeluarkan zakat (harta dan fitrah), dan berpuasa dalam bulan Ramadan dan mengerjakan haji di Baitullah bagi orang yang mampu.”

(HR Bukhari dan Muslim)

Kaum Muslimin Yang Dirahmati Allah...

Zakat adalah Rukun Islam ketiga yang disebut sebanyak 58 kali dalam al-Quran iaitu 32 kali disebut bersendirian dan 26 kali secara beriringan dengan kalimah solat. Dalam al-Quran, zakat juga disebut dengan lafaz sedekah, nafkah, *haq* dan *al-afw* manakala dari segi bahasa bermakna kesuburan, kesucian, keberkatan dan kedamaian.

Perkataan zakat berasal dari kalimah Arab klasik, yang pernah digunakan oleh masyarakat Arab Kuno sebelum kedatangan Islam lagi. Imam al-Mawardi dalam bukunya al-Ahkam al-Sultaniah menegaskan bahawa perkataan sedekah yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis memberi makna zakat. Beliau berkata: “perkataan sedekah itu semakna dengan perkataan zakat, sebutan nama yang berlainan tetapi memberi makna yang serupa.”

Sementara itu, para ulama feqah mendefinisikan zakat ialah nama bagi sebahagian harta benda yang dikeluarkan atas perintah Allah s.w.t kepada amil yang ditauliahkan sebagai sedekah wajib untuk diagihkan kepada mereka yang telah ditetapkan menurut syarat-syarat yang telah ditentukan oleh syarak. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ

صَلَوَاتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: “Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengan itu engkau membersihkan

mereka dari dosa dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk). Dan berdoalah kepada mereka sesungguhnya doamu itu mententeramkan mereka, dan Allah itu Maha Mendengar dan Maha Mengetahui.”

(QS al-Taubah (9):103)

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...

Kewajipan berzakat memberi kesan positif bukan saja kepada pembayar zakat itu sendiri, malah kepada harta dan kepada seluruh masyarakat. Zakat berkait rapat dengan sistem ekonomi, sosial, politik, akhlak, iman dan budaya sebuah masyarakat dan individu. Seruan zakat pula berupaya memberi respon untuk menggerakkan pembayar zakat dan masyarakat kepada pembangunan yang bersifat menyeluruh dan berlanjutan. Allah berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا نُقَدِّمُوا لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ
 تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya: “Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala yang kamu kerjakan.”

(QS al-Baqarah (2):110)

Kaum Muslimin Sidang Jumaat Yang Sama-Sama Berbahagia...

Zakat merupakan satu sistem yang menekankan kepada kesepaduan kualiti dan kuantiti. Zakat diwajibkan untuk melindungi harta, melatih jiwa dan menjamin pembangunan ummah. Sistem zakat menjadi satu mekanisma, yang menggarapi keseluruhan sistem kehidupan sesebuah masyarakat supaya dapat menikmati kehidupan yang harmoni. Sebab itu Allah s.w.t mengingatkan umat Islam supaya bersegera menunaikan kewajipan berzakat, sebelum saat kematian. Allah berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَنْفِقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ
لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: *“Dan belanjakanlah (zakatkanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepada-Nya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: “ Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah (berzakat) dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh.”*

(QS al-Munafiqun (63):10)

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia

Zakat yang diwajibkan oleh Islam, bukan sahaja ibadah ritual semata-mata malah merupakan satu sistem kehartaan dan ekonomi umat Islam yang berperanan untuk membangun diri

manusia dan budaya mereka. Dengan itu, zakat yang terkumpul adalah salah satu sumber tetap perbendaharaan Islam.

Perkataan zakat sering diulang-ulang dalam al-Quran kerana harta dalam ajaran Islam sentiasa berfungsi untuk faedah pembangunan masyarakat, sama ada ia menjadi modal atau menjadi sumber kebajikan. Harta dalam Islam tidak boleh dibekukan dalam simpanan sahaja tanpa dikeluarkankan zakatnya. Sejarajar dengan saranan Allah yang mafhumnya: “supaya harta itu tidak hanya teredar di antara orang-orang kaya sahaja di kalangan kamu.” Dan dalam ayat yang lain Allah berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي
 سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

Maksudnya: “....Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah (berzakat), maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

(QS al-Taubah (9): 34)

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...

Sejarajar dengan Muzakarah kali ke 76 Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bertarikh 21 November 2006 yang telah memutuskan bahawa, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah (amil yang ditauliahkan) adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh

dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ
فَإِن نَنزَعْنَكُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (al-Quran) dan RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

(QS al-Nisa (4): 59)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

